

17 JULAI 2018

## Sembunyi dadah dalam pembesar suara

### Sembunyi dadah dalam pembesar suara

KUALA LUMPUR 16 Julai - Taktik satu sindiket menyembunyikan dadah dalam pembesar suara gagal apabila bahan larangan bernilai RM13,600 itu dirampas dalam pemeriksaan di sebuah pusat hiburan di Shamelin Cheras di sini semalam.

Antara dadah yang ditemukan ialah serbuk ekstasi seberat 211.6 gram dilukut ganja (192 gram), ketamin (6.7 gram), pil ekstasi (32 biji) dan erimin 5 (30 biji).

Pemangku Ketua Polis Daerah Cheras, Superintendental Kamal Khan Mohd. Shariff berkata, dadah berkenaan ditemukan pada pukul 4.40 pagi oleh pegawai dan anggota Pasukan Khas Taktikal Narkotik (Sting) Bukit Aman ketika membuat pemeriksaan dalam bilik kawalan dalam operasi tersebut.

"Bagaimanapun, tiada tangkapan untuk kes ini namun siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dibuka bagi mengenal pasti suspek serta punca bekalan dadah tersebut."

"Sepanjang tahun lalu sehingga kini, pihak polis telah melakukan serbuan sebanyak empat kali terhadap premis sama dan telah

ditutup sebelum beroperasi semula bulan lalu di bawah pengrusan baharu.

"Kita akan sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan pusat hiburan tidak dijadikan sarang pengedaran dadah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Kamal Khan memaklumkan, dalam operasi sama dijalankan di pusat hiburan sekitar kawasan Cheras bermula pukul 4.30 pagi hingga 7 malam itu, pihaknya turut memeriksa 134 individu termasuk 31 wanita warga Vietnam dan seorang wanita warga Thailand.

Katanya, kesemua yang ditanah berusia di antara 18 dan 40 tahun.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 99 orang termasuk 36 wanita ditahan kerana didapati positif dadah jenis syabu dan ketamin seterusnya disiasat di bawah Seksyen 12(2) dan 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Selain itu, empat wanita warga Vietnam juga ditahan kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 39(b) Peraturan Imigresen 1963," ujarnya.



ANTARA dadah yang disembunyikan dalam pembesar suara dan dirampas dalam serbuan di sebuah pusat hiburan di Cheras, Kuala Lumpur, kelmarin.